



PANDUAN DAN PERATURAN MAJLIS KONVOKESYEN CIAST

Majlis Konvokesyen CIAST adalah bagi meraikan graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian di CIAST dan CSC. Majlis Konvokesyen tahun ini melibatkan graduan daripada Kampus Induk Shah Alam dan Kampus Satelit CIAST (CSC) daripada 14 CSC seluruh negara.

Panduan ini mengandungi tatacara Majlis Konvokesyen CIAST, pengambilan skrol dan sesi fotografi graduan

**UNIT PENGURUSAN PEMBANGUNAN PENGAJAR BARU (UPPPB)
PROGRAM PEMBANGUNAN PENGAJAR KEMAHIRAN (PPK)
PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)**
Jalan Petani 19/1, Seksyen 19, 40900 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-55438200 , E-mail : pengambilan@ciast.gov.my

TAHNIAH diucapkan kepada para graduan Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) yang telah disahkan Lulus oleh Lembaga Peperiksaan dan penganugerahan Sijil Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST). Graduan CIAST memiliki kombinasi kompetensi kemahiran teknikal dan insaniah yang holistik. Kombinasi ini merupakan pakej komprehensif yang amat diperlukan untuk membentuk keperibadian pengajar TVET yang berdedikasi dan cemerlang. Pengalaman dan pembelajaran yang ditimba di CIAST mampu merubah perspektif dan paradigma graduan dalam meningkatkan keyakinan dan keupayaan diri bagi menghadapi dunia pekerjaan yang semakin mencabar. Pihak CIAST mendoakan agar para graduan mendapat kejayaan serta sentiasa terus maju dalam menghadapi cabaran di masa hadapan. Anda adalah duta TVET Instructor yang terlatih dari CIAST bagi menyahut cabaran TVET negara. Syabas dan tahniah diucapkan sekali lagi kepada para graduan sempena Majlis Konvokesyen CIAST.

1. TARIKH PERLAKSANAAN

Graduan akan membuat pendaftaran kehadiran beserta pembayaran melalui pautan <https://graduan.ciaст.gov.my>. Graduan yang hadir lewat dari tempoh masa pendaftaran yang telah ditetapkan di dalam jadual majlis konvokesyen atau tidak mematuhi peraturan pemakaian Majlis Konvokesyen CIAST tidak akan dibenarkan menyertai majlis. Tarikh perlaksanaan majlis Konvokesyen CIAST 2024 adalah seperti berikut (tertakluk kepada perubahan):

BIL	PERKARA	LOKASI	TARIKH	MASA
1	RAPTAI MAJLIS	SHAH ALAM CONVENTION CENTRE (SACC) NO 4 JALAN PERBADANAN SEKSYEN 14/9, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR	20 SEPTEMBER 2024 (JUMAAT)	11:00 PAGI
2	MAJLIS	SHAH ALAM CONVENTION CENTRE (SACC) NO 4 JALAN PERBADANAN SEKSYEN 14/9, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR	21 SEPTEMBER 2024 (SABTU)	7:15 PAGI

JADUAL SIDANG MAJLIS KONVOKESYEN CIAST 2024

BIL	SESI	SIDANG
1	DLPV JANUARI 2021	1
2	DLPV SESI JULAI 2021	1
3	DPV SESI JANUARI 2021	1
4	DPV SESI JULAI 2021	1
5	DPV SESI OGOS 2021	1
6	DPV SESI JANUARI 2022	1
7	TVET-I SESI MEI 2022	1
8	TVET-I SESI SEPTEMBER 2022	1
9	TVET-I KHAS SESI NOVEMBER 2022	1
10	TVET-I SESI JANUARI 2023	1
11	TVET-I SESI MEI 2023	1

2. PENGESAHAN KEHADIRAN

- 2.1. Pengesahan kehadiran graduan ke Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) hendaklah dibuat secara dalam talian (online). Setiap pengesahan perlu dimuatnaik dengan dokumen berikut:
- i) Salinan Slip Pembayaran Bank atau resit transaksi bayaran
 - ii) Slip Pengesahan Kajian Pengesahan Graduan-TVET

3. BAYARAN GRADUAN

3.1. Kadar bayaran Majlis Konvokesyen adalah sebanyak **RM180.00/graduan**.

3.2. GRADUAN YANG TIDAK MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN TIDAK AKAN DIKENAKAN APA-APA BAYARAN.

3.3. Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh sistem graduan CIAST dibuka (rujuk tarikh pada sistem) dan bayaran perlu dibuat atas nama Akauntan Negara Malaysia- Selangor-T di mana-mana cawangan bank seperti yang dinyatakan dibawah.

NAMA BANK	NOMBOR AKAUN	BAYARAN ATAS NAMA
AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD	105990040172	AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA- SELANGOR-T

3.3 Wajib masukkan ID Korporat ini di ruangan:

**reference 1: 47061081/NO KAD PENGENALAN GRADUAN (TANPA-)
reference 1: no telefon graduan**

CONTOH:

**reference 1: 47061081/811105075572
reference 2: 0164953251**

- 3.4 **Kegagalan graduan untuk memasukkan ID korporat semasa fund transfer akan menyebabkan pembayaran tidak akan diterima oleh CIAST dan graduan tidak dibenarkan untuk menghadiri majlis konvokesyen.**
- 3.5 **Bayaran perlu dibuat melalui fund transfer (perbankan internet) dan melalui 1 kali transaksi sahaja.**
- 3.6 **Transaksi perlu dibuat secara berasingan sekiranya terdapat lebih daripada 1 graduan terlibat. Tidak dibenarkan untuk mengabungkan bayaran.**
- 3.7 **Bayaran pendaftaran alumni tidak boleh digabungkan bersama bayaran konvokesyen. Transaksi perlu dibuat secara berasingan.**
- 3.8 **Tidak dibenarkan menggunakan akaun pihak lain. Graduan wajib menggunakan akaun graduan sendiri bagi membuat bayaran.**
- 3.9 **Graduan hendaklah memuatnaik salinan bukti *fund transfer* sebagai bukti pembayaran.** - -
- 3.10 **Bukti *fund transfer* hendaklah dibawa dan diserahkan semasa pendaftaran dikaunter yang disediakan pada hari berkenaan.**

4 TATACARA MAJLIS

4.1 Raptai

- 4.1.1 Raptai diadakan pada tarikh dan waktu seperti mana yang tercatat di surat jemputan graduan.
- 4.1.2 Semua graduan adalah diwajibkan untuk menghadiri majlis raptai.
- 4.1.3 Pakaian raptai hendaklah kemas dan sopan serta bersesuaian dengan majlis. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek.

- 4.1.4 Graduan adalah dilarang memakai seluar jeans, selipar dan kemeja-T semasa raptai.
- 4.1.5 Graduan diminta memaklumkan kepada ibu bapa/tetamu supaya berpakaian kemas dan tertib yang bersesuaian untuk majlis rasmi.

4.2 Majlis Konvokesyen

- 4.2.1 Majlis akan diadakan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan sebagaimana yang tercatat di surat jemputan graduan.
- 4.2.2 Diokumen yang perlu dibawa semasa pendaftaran konvokesyen:
 - a) Surat jemputan graduan
 - b) Kad pengenalan/MyKad/pasport graduan
 - c) Queue Card
- 4.2.3 Tanpa dokumen di atas, graduan tidak dibenarkan mendaftar untuk menyertai majlis ini.
- 4.2.4 CIAST berhak menahan atau melarang graduan yang tidak mendaftar daripada menyertai majlis ini.
- 4.2.5 Graduan yang hadir lewat dari tempoh masa pendaftaran yang telah ditetapkan di dalam Jadual majlis konvokesyen atau tidak mematuhi peraturan pakaian menghadiri majlis konvokesyen tidak akan dibenarkan menyertai majlis.
- 4.2.6 Semasa majlis sedang berlangsung graduan diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising.
- 4.2.7 Graduan tidak dibenarkan membawa masuk barang-barang persendirian seperti beg, kamera, telefon bimbit, kamera video atau sebagainya ke dalam dewan konvokesyen.

- 4.2.8 Graduan kurang upaya (mengandung, cacat atau kemalangan) yang memerlukan bantuan peralatan seperti kerusi roda atau pembantu diminta memaklumkan kepada pihak CIAST semasa mengemukakan Borang Pengesahan Kehadiran Konvokesyen atau memaklumkan kepada staf bertugas semasa hari raptai bagi persediaan awal oleh pihak urusetia.
- 4.2.9 Graduan dilarang meninggalkan dewan semasa majlis sedang berlangsung.
- 4.2.10 Graduan adalah dinasihatkan supaya bersarapan terlebih dahulu sebelum masuk ke dalam dewan. Graduan tidak dibenarkan meninggalkan majlis sehingga selesai.

4.3 Kuasa Institut

- 4.3.1 Graduan hendaklah mematuhi syarat dan peraturan yang dinyatakan di atas bagi membolehkan penyertaan ke majlis konvokesyen ini.

5 PENGAMBILAN/PEMULANGAN JUBAH

- 5.1. Setiap graduan akan dibekalkan secara pinjaman dengan jubah dan ‘mortarboard’ pada hari pendaftaran/raptai.

5.2 Kaedah Peminjaman Jubah Konvokesyen

- 5.2.1 Surat jemputan ke majlis konvokesyen hendaklah dikemukakan semasa meminjam jubah konvokesyen.
- 5.2.2 Mengambil jubah yang telah dikhaskan sahaja dan TIDAK DIBENARKAN BERKONGSI JUBAH. Pastikan saiz yang dinyatakan di pendaftaran dalam talian adalah tepat untuk melancarkan majlis.

- 5.2.3 Graduan boleh mewakilkan kepada orang lain dalam urusan pengambilan jubah konvokesyen dengan menggunakan surat wakil (Lampiran B).
- 5.2.4 Walau bagaimanapun, seorang wakil hanya dibenarkan mewakili maksimum TIGA (3) jubah graduan sahaja (termasuk diri sendiri).

5.3 Tempoh Pemulangan Jubah Konvokesyen

- 5.3.1 Jubah konvokesyen **hendaklah dipulangkan sebaik sahaja selesai menerima penganugerahan atau selewat-lewatnya jam 3:00 petang 21 September 2024.**
- 5.3.2 Kelewatan/kegagalan pemulangan jubah konvokesyen akan dikenakan penalti/ gantirugi.

5.4 Pengubahsuaian/Kerosakan/Kekotoran pada Jubah Konvokesyen

- 5.4.1 Graduan tidak dibenarkan sama sekali membuat pengubahsuaian (seperti menjahit lengan atau mengubah labuh jubah) pada jubah konvokesyen CIAST.

6.0 FOTOGRAFI GRADUAN

- 6.1 Setiap graduan akan di bekalkan dengan gambar. Bayaran fotografi telah dimasukkan dalam bayaran. Gambar ini akan dipos mengikut maklumat yang telah di masukkan pada sistem graduan CIAST. (Sila pastikan alamat pos yang dimasukkan adalah lengkap dan mudah diterima)

7. IBUBAPA/TETAMU

- 7.1 Seorang graduan akan diberikan 1 keping pas masuk terhad untuk 2 orang tetamu sahaja. Pas masuk akan diberikan semasa pendaftaran/ sesi raptai.

Tetamu yang berumur di bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dewan.

7.2 Ibu bapa/tetamu adalah diminta supaya mengambil tempat duduk di dalam dewan sebelum jam 8.00 pagi.

7.3 Ibu bapa/tetamu adalah dinasihatkan supaya bersarapan terlebih dahulu sebelum masuk ke dalam dewan. Majlis dijangkakan mengambil masa yang agak lama.

7.4 Ibu bapa/tetamu hendaklah berpakaian rasmi seperti berikut :

Pakaian tetamu lelaki

- i) Kebangsaan atau
- ii) Batik atau
- i) ‘Lounge Suit’ atau
- ii) Pakaian rasmi yang sesuai (seluar jeans dan kemeja-T tidak dibenarkan)

Pakaian tetamu wanita

- i) Kebangsaan atau
- ii) Pakaian rasmi atau
- iii) Pakaian sopan (pakaian gaun atau ‘skirt’ yang tidak melebihi paras lutut ['skirt' pendek], ‘blouse’ tanpa lengan, kemeja-T dan seluar adalah tidak dibenarkan)

7.5 Semasa majlis sedang berlangsung ibu bapa/tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising. Ibu bapa/tetamu juga dilarang meninggalkan dewan semasa majlis konvokesyen sedang berlangsung.

7.6 Ibu bapa/tetamu yang tidak membawa kad masuk dewan ini tidak akan dibenarkan masuk ke dewan.

7.7 Ibu/bapa/tetamu diminta mengikut peraturan dan SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak urusetia konvokesyen sepanjang majlis berlangsung.

8. ETIKA PAKAIAN

8.1.1 Pakaian raptai hendaklah kemas dan sopan serta bersesuaian dengan majlis.

8.1.1.1 Pakaian dan Rupa Diri Graduan Lelaki

- i) Graduan lelaki diwajibkan memakai:
 - **Seluar slack berwarna hitam**
 - **Seluar mestila tidak singkat dan ketat. Seluar jeans tidak dibenarkan sama sekali**
 - **Kemeja lengan panjang berwarna putih**
 - **Tali leher (warna gelap)**
 - **Kasut tutup warna hitam lengkap berstokin.**
- ii) Graduan lelaki hendaklah berambut pendek.
- iii) Graduan tidak dibenarkan :
 - Memakai tali bow (Bow Tie)
 - Memakai subang telinga dan gelang tangan
 - Mewarnakan rambut
 - Berambut panjang (mencecah kolar baju)
 - Memakai ‘sandal’ atau kasut sukan
 - Menggunakan telefon bimbit dan kamera di dalam dewan konvokesyen

8.1.1.2 Pakaian dan Rupa Diri Graduan Wanita

- i) Graduan wanita diwajibkan memakai:
 - **Baju kurung atau pakaian kebangsaan dengan warna bebas. Kadar labuh kain ialah sehingga ke bahagian**

buku lali (*ankle*) dan tidak berbelah di kiri kanan atau di depan atau belakang. Baju hendaklah tertutup hingga ke pangkal leher di bahagian hadapan dan belakang serta berlengan panjang hingga ke pergelangan tangan. Pakaian daripada kain jenis jarang (*nipes*) adalah dilarang. (Pakaian berbentuk seluar dan seksi adalah tidak dibenarkan sama sekali).

- Bertudung (graduan muslim) dengan gaya yang tidak keterlaluan.
- Gaya rambut dengan aksesori yang minimum (graduan bukan muslim)
- Kasut bertutup penuh. Perlu menutupi dari bahagian hadapan kaki hingga ke tumit kaki (*cover shoes*), selipar ataupun ‘sandal’ tidak dibenarkan sama sekali.

ii) Graduan tidak dibenarkan :

- Tidak bertudung (graduan muslim)
- Mewarnakan rambut (graduan bukan muslim)
- Memakai pakaian yang menutup muka
- Pemakaian aksesori yang keterlaluan
- Tatathias solekan yang keterlaluan

**PARA GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN DAN RUPA DIRI YANG DITETAPKAN, PIHAK URUSETIA KONVOKESYEN CIAST 2024
MEMPUNYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN
GRADUAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKESYEN.**

9. MAKLUMAT MENGENAI PENGAMBILAN SIJIL KONVOKESYEN CIAST

9.1 Pengambilan Sijil Konvokesyen CIAST secara sendiri di kaunter. Sila bawa dan kembalikan perkara tersebut di bawah :

- i) Kembalikan jubah konvokesyen CIAST
- ii) Bawa Kad Pengenalan / MyKad / Pasport (tanpa kad pengenalan/MyKad/Pasport: Sijil tidak akan diserahkan kepada graduan)

9.2 Kebenaran wakil mengambil Sijil Konvokesyen CIAST di kaunter. Sila patuhi perkara berikut :

- i) **Isikan borang kebenaran wakil mengambil sijil bagi pihak graduan (Lampiran C)**
- ii) **Sertakan salinan Kad Pengenalan / MyKad / pasport graduan**
- iii) **Serahkan Kad Pengenalan / MyKad / Pasport wakil**
- iv) Serahkan **Slip Pengesahan Pemulangan Jubah Konvokesyen** (sekiranya berkaitan)
- iv) Serahkan salinan **slip pembayaran bank** (*jika diperlukan*).

Catatan : Tanpa Borang Kebenaran Wakil Mengambil Sijil Bagi Pihak Graduan dan salinan Kad Pengenalan/MyKad/Pasport, Sijil Konvokesyen CIAST tidak akan diserahkan kepada wakil.

9.3 Penahanan Sijil boleh dibuat oleh CIAST sekiranya graduan masih :

- i. Tidak menjelaskan bayaran konvokesyen; atau
- ii. Belum memulangkan jubah konvokesyen ; atau
- iii. Belum memulangkan buku Perpustakaan; atau
- iv. Belum memulangkan barang-barang atau alatan lain yang dipinjam dari mana-mana Bahagian/bengkel di CIAST; atau
- v. Belum mengisi Borang Kajian Pengesanan Graduan-TVET.

HAL-HAL LAIN

1. Sebarang pertanyaan mengenai majlis konvokesyen, sila hubungi **talian 03-55438200 samb. 8227/8225/8226/8295 Faks: (03) 55438399 atau emel konvokesyen@ciast.gov.my**

3. Graduan juga boleh melayari laman web www.ciast.gov.my untuk maklumat lanjut.

LAMPIRAN B

**BORANG KEBENARAN WAKIL MENGAMBIL JUBAH KONVOKESYEN BAGI
PIHAK GRADUAN**

Saya seperti nama di bawah : -

Nama Graduan (**Dengan Huruf Besar**) : _____

Nombor Kad Pengenalan (Lama) / : _____

Nombor Kad Pengenalan (Baru) : _____

Nombor Daftar Pelatih : _____

Program : _____

Kursus / Bidang : _____

Saiz Jubah : S (), M (), L (), XL (), XXL ()

{ Tandakan (✓) }

Dengan ini mewakilkan penama di bawah ini untuk mengambil jubah konvokesyen bagi pihak saya.

Nama Wakil : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Alamat : _____

Tel. Rumah : _____

Tel. Pejabat : _____

Hubungan : _____

Tandatangan Graduan : _____

Tarikh : _____

**** Nota : Borang ini hendaklah dibawa oleh wakil bersama sesalinan kad pengenalan, salinan surat jemputan dan salinan slip bank (jika diperlukan) semasa mengambil pakaian konvokesyen.
Wakil hanya dibenarkan mengambil TIGA (3) jubah konvokesyen sahaja (termasuk untuk diri sendiri) dalam satu-satu masa.**

BORANG KEBENARAN WAKIL MENGAMBIL SIJIL KONVOKESYEN CIAST BAGI PIHAK GRADUAN

Saya sedia maklum bahawa pihak CIAST **hanya mengeluarkan Sijil Konvokesyen CIAST sekali sahaja.**

Saya mengaku akan bertanggungjawab di atas tindakan memberi kebenaran ini dan tidak akan membuat sebarang tuntutan terhadap CIAST sekiranya diploma/sijil/transkrip berkenaan rosak atau hilang.

Nama Graduan (**Dengan Huruf Besar**) : _____

Nombor Kad Pengenalan (Lama) / : _____

Nombor Kad Pengenalan (Baru) : _____

Nombor Daftar Pelatih : _____

Program : _____

Kursus / Bidang : _____

dengan ini membenarkan penama di bawah ini untuk mengambil Sijil saya.

Nama Wakil : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Alamat : _____

Tel. Rumah : _____

Tel. Pejabat : _____

Hubungan : _____

Tandatangan Graduan : _____

Tarikh : _____

***Sila lampirkan bersama satu salinan kad pengenalan graduan**